



TEKS UCAPTAMA DAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

SEMPENA
**MAJLIS PERASMIAN
SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN
(NGIS) KE-9 TAHUN 2023**

PADA
**17 OKTOBER 2023 / 1 RABIULAKHIR 1445H
(SELASA)**

DI
**PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA
PUTRAJAYA (PICC), PUTRAJAYA**

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Dr. Ching Too a/l Kim

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

Merangkap Penaung Jawatankuasa Induk

Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke-9

Yang Berusaha Tuan Abdul Wahid bin Abu Salim,

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli);

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk

Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke-9

Yang Berbahagia Dato' Mohamad Razif bin Haji Abd Mubin,

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan

Iklim);

Yang Berbahagia Dato' Razali bin Mohamad,

Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan);

YBrs. Puan Hajjah Abrizah binti Abdul Aziz

Pengarah

Pusat Geospatial Negara, NRECC

Merangkap Pengajur

Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke-9

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi serta

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi

sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir untuk memeriahkan NGIS Ke-9 yang berlangsung selama dua (2) hari bermula pada hari ini. Ucapan syabas dan terima kasih juga, saya tujukan kepada penganjur utama iaitu **Pusat Geospatial Negara (PGN), NRECC**. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya di atas kerjasama **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)** dan **Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)** yang bertindak sebagai penganjur bersama untuk menjayakan simposium ini.
2. Penganjuran NGIS Ke-9 pada tahun ini, telah mengangkat tema **“Revolusi Geospatial Dalam Cabaran Digital”** yang amat bersesuaian dan relevan dengan situasi semasa serta bertepatan dengan **konsep Malaysia Madani**. Sebanyak empat (4) sub-tema yang merangkumi 18 kertas pembentangan akan dikongsikan sepanjang dua (2) hari simposium ini berlangsung untuk manfaat semua peserta.
3. Sejarah GIS di Malaysia bermula apabila Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah menjalankan

transformasi daripada maklumat geospatial secara analog kepada digital dengan membangunkan Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pangkalan Data Topografi Kebangsaan pada pertengahan 1980.

4. Selain itu, di antara agensi terawal yang melaksanakan GIS di Malaysia adalah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) serta Jabatan Kerja Raya (JKR).

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin sekalian.

5. Sebagaimana kita semua sedia maklum, revolusi geospatial yang berkembang maju selaras dengan kemajuan teknologi digital telah memberi impak secara langsung kepada corak penyampaian maklumat kepada rakyat. Sebagai contoh, sewaktu berlakunya penularan wabak COVID-19 yang bermula pada Mac 2020, teknologi geospatial telah memainkan peranan yang sangat besar dalam mengesan pelbagai punca penularan wabak berkenaan dan kesemuanya merujuk kepada lokasi serta berjaya mengenal pasti taburan wabak berkenaan di seluruh Malaysia.

6. Penggunaan peralatan berteknologi tinggi dalam aktiviti pengukuran, pemetaan dan geospatial membolehkan negara bersedia mendepani era Ekonomi Digital dan IR 4.0.
7. Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI), merupakan satu program Nasional bagi membangunkan infrastruktur perkongsian data geospatial antara agensi pembekal dan pengguna data geospatial serta menggalakkan pembangunan produk-produk geospatial dengan lebih **cost effective, cekap dan cepat**. Antara inisiatif yang telah dibangunkan oleh PGN dan diguna pakai oleh agensi adalah aplikasi **platform perkongsian** melalui **Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS)** atau **MyGeoSc.**
8. PGN juga telah mengeluarkan **Dokumen Rangka Kerja Strategik Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan 2024-2028** yang merupakan aktiviti di bawah penamaan geografi di mana **Malaysia merupakan ahli kepada United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN)**.

9. Saya yakin, melalui **revolusi teknologi geospatial yang terkini, kita mampu memberi komitmen yang serius** dalam memacu agenda pembentukan masa depan Malaysia yang lebih baik untuk **memeta halatuju Malaysia**. Saya sarankan kepada semua agensi kerajaan dan swasta agar dapat **berkongsi maklumat** supaya rakyat mendapat **informasi terkini** serta **mengelak pertindihan usaha dalam perolehan data di lapangan**, sekaligus menjimatkan **jutaan ringgit wang negara**.

10. Pihak pengajur juga telah menyediakan anugerah berkaitan aktiviti geospatial. Semoga dengan anugerah ini menjadi pemangkin kepada semua untuk mempertingkatkan komitmen dalam Program MyGDI. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah. Semoga ini akan mencetuskan persaingan yang positif ke arah meningkatkan komitmen dalam Program MyGDI.

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin sekalian.

11. Akhir kata, saya berbesar hati dan sukacitanya **merasmikan Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke-9, Tahun 2023**.

Sekian, terima kasih.